

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 MAC 2023**

**1. PELETAKKAN JAWATAN PUAN AZUAWATI BINTI AHMAD,
AHLI MAJLIS MBSP**

Dimaklumkan bahawa Puan Noor Azuawati binti Ahmad, Ahli Majlis MBSP yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2023 untuk tempoh lapan (8) bulan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Ogos 2023 telah meletak jawatan sebagai Ahli Majlis MBSP berkuatkuasa 1 Mac 2023.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh mantan Ahli Majlis Puan Noor Azuawati binti Ahmad yang telah banyak memberi sumbangan kepada rakyat.

2. MBSP MEMENANGI TEMPAT KETIGA DALAM PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah berjaya mendapat tempat ketiga (3) menerusi inovasi Lingkaran Bougainvillea dalam Pertandingan Inovasi MALA 2.0 : Piala YB Menteri KP KT. Majlis pengumuman dan penyampaian anugerah kepada pemenang tempat tiga (3) telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming semasa Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023 di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Perak pada 12 Mac 2023.

3. SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2022

Majlis Bandaraya Seberang Perai berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022. MBSP turut mendapat penghargaan selaku PBT Terbaik Bandaraya bagi Kriteria Pengurusan.

4. MAJLIS CABUTAN PEMENANG “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2023 & MENANG!” DAN CABUTAN BONANZA ASPIRE SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa, MBSP telah mengadakan promosi **“JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2023 & MENANG”** khusus bagi pembayaran secara dalam talian (online), melalui kiosk atau melalui agensi kutipan bermula pada 1 Disember 2022 dan telah tamat pada 28 Februari 2023 yang lalu.

Sukacita dimaklumkan bahawa sepanjang tempoh promosi berlangsung, MBSP telah berjaya memperolehi nilai kutipan sebanyak **RM117.28 juta** dengan jumlah transaksi sebanyak **191,459 transaksi**. Daripada jumlah berkenaan, **81.96%** **transaksi** yang berlaku adalah secara tanpa tunai.

MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan. Sempena promosi ini, hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-6 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Kesemua **empat puluh (40)** pemenang akan ditentukan dalam Majlis Cabutan Pemenang yang akan diadakan selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Majlis cabutan ini boleh disaksikan secara langsung melalui FB *Live MBSP*.

Pada hari ini juga akan diadakan majlis cabutan pemenang hadiah bonanza bagi promosi pembayaran melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai yang telah menawarkan hadiah bonanza berupa sebuah motosikal jenama WMoto VE110 kepada pembayar cukai yang layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan

Daripada analisa yang telah dibuat, sebanyak **60,999 akaun** telah layak untuk menyertai cabutan bertuah kali ini berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan manakala sebanyak **12,741 akaun** pula telah layak untuk cabutan bonanza tajaan ASPIRE Seberang Perai.

Pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MBSP melalui telefon, emel atau surat untuk urusan tuntutan hadiah. Pemenang akan diminta untuk menetapkan temujanji dan urusan tuntutan perlu dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan kelak. Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my> mulai pada 29 Mac 2023 (Rabu).

5. NUZUL AL-QURAN

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Nuzul Al-Quran yang bakal disambut pada 8 April 2023 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari cuti umum.

6. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 22 April 2023 (Sabtu) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga kerja MBSP dan

penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

SEKIAN, TERIMA KASIH.